

Jangan terlalu pentingkan untung

# Syarikat perlu etika kerja: PM

Oleh IBRAHIM MUHAMAD

KUALA TERENGGANU, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata etika kerja dan falsafah perniagaan sangat penting bagi sesebuah syarikat yang ingin berjaya.

Menurutnya, syarikat yang tidak jujur dalam perniagaan serta terlalu mementingkan keuntungan semata-mata tanpa memikirkan soal lain, sudah pasti akan menemui kegagalan.

Berucap merasmikan perayaan 25 tahun Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), di Stadium Negeri di sini, hari ini, beliau berkata kejayaan syarikat perniagaan di Jepun patut dicontohi kerana mereka mempunyai falsafah dan etika kerja yang baik.

Sebagai contoh, katanya syarikat Matsushita yang memulakan perniagaan membuat soket lampu kini muncul sebagai sebuah syarikat gergasi yang disegani di dunia.

Perdana Menteri berkata, Dasar Pandang ke Timur kerajaan bukan semata-mata untuk menghayati kejayaan orang Jepun, sebaliknya falsafah perniagaan dan etika kerja mereka yang perlu difahami dan dipelajari untuk dijadikan contoh bagi memajukan diri sendiri.

Menurutnya, tidak salah meniru daripada orang lain yang lebih pandai dan berpengalaman untuk dijadikan do-

rongan bagi mencapai kejayaan diri sendiri.

"Kita akan rugi sekiranya tidak belajar daripada orang yang pandai dan kita tidak perlu segan untuk meniru atau menghayati kejayaan yang dicapai oleh mereka," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, etika kerja orang Jepun tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata, sebaliknya pekerja mereka diajar memberi perkhidmatan yang sebaik-baik kepada bakal pelanggan.

Katanya, falsafah mereka yang mementingkan syarikat tempat bekerja diserapkan kepada seluruh kakitangan dan diamalkan sama ada ketika berada di dalam atau di luar kilang.

Dalam hubungan ini, beliau kesal orang berpendapat mereka boleh cepat kaya dengan cara menipu.

"Sekiranya semua orang kaya itu penipu, sudah pasti keadaan dunia akan kacau-kacir," katanya.

Beliau berkata, dalam setiap perniagaan, adalah lebih baik untuk mengamalkan prinsip 'mendapat keuntungan yang sedikit tetapi berpanjangan, daripada mendapat untung besar tetapi sekejap.'

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan menceburi bidang ekonomi kerana sebelum ini tidak ada Bumiputera yang

mampu memasuki perniagaan tertentu yang memerlukan modal dan kepakaran yang tinggi.

"Selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), ramai Bumiputera sudah bersedia menyertai sektor industri besar, sama ada secara bersendirian atau usahasama dengan kaum lain," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sedang memberi tumpuan kepada penswastan dengan membuka peluang kepada ahli perniagaan yang berkemampuan untuk mengambil alih agensi tertentu daripada kerajaan.

Penswastan beberapa syarikat utama, termasuk Syarikat Telekom Malaysia, bukan kerana ia tidak menguntungkan tetapi pengurusan cara baru itu melipatgandakan keuntungan yang diperolehi, katanya.

Menurutnya, kerajaan akan meninggalkan bidang itu dan hanya menumpukan dalam bidang pentadbiran.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor, timbalannya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Haji Tengku Mahmud Mansor.

Perdana Menteri kemudian diiringi Menteri Besar menghadap Sultan Terengganu di Istana Badariah dekat sini, sebelum melawat Tasik Kenyir.